

BH-TaHa@U

anjur temu

duga terbuka

Kuala Lumpur: Bakal graduan dan orang ramai yang mencari pekerjaan berpeluang menghadiri temu duga terbuka bagi mengisi jawatan kosong ditawarkan 10 syarikat menerusi Program Bimbingan Kerjaya BH-TaHa@U di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim, Kedah, hari ini.

Program mulai jam 9 pagi hingga 5 petang itu adalah kali ketiga dianjurkan BH dengan kerjasama Tabung Haji (TH) dan disokong sepenuhnya universiti terbabit yang turut mendapat sokongan pihak Jabatan Tenaga Kerja dan Jobs Malaysia.

Selebriti TV3 kongsi pengalaman

Sementara itu, pelajar yang menghadiri program berkenaan turut berpeluang untuk mendengar dan berkongsi pengalaman dengan selebriti TV3 terkenal seperti Ally Iskandar, Maria Tunku Sabri serta pendakwah Dr Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim.

Antara syarikat yang menawarkan peluang kerjaya adalah Suria Jerai Electrical Sdn Bhd, Herba Prima Manufacturing Sdn Bhd, Canon Electronics (Malaysia) Sdn Bhd dan Silterra Malaysia Sdn Bhd.

Mereka yang berminat untuk menghadiri temu duga berkenaan diminta membawa sijil dan dokumen yang berkaitan.

Program sama akan turut diadakan + pada 26 Oktober ini di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan.